

NO SOALAN :365

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR
(POKOK SENA)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR [POKOK SENA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-

- (a) berapakah statistik penjawat awam yang mengambil pinjaman peribadi dan berapakah jumlah nilai hutang yang terlibat; dan
- (b) apakah jenis pinjaman lain yang diambil.

JAWAPAN

- (a) Statistik penjawat awam yang mengambil pinjaman adalah seperti pada jadual di bawah.

Bil.	Butiran Pinjaman	Bilangan Penjawat Awam	Amaun Potongan Gaji Bulan Jun 2017 (RM)
-------------	-------------------------	-------------------------------	--

1.	Pinjaman Perumahan Kerajaan (LPPSA)	417,470	337,102,855
2.	Potongan Angkasa	701,683	829,045,142
3.	Pinjaman Bank	146,379	111,473,527
4.	Lain-lain Pinjaman	167,536	56,093,973

Nota:

1. Potongan Angkasa terdiri daripada potongan pinjaman seperti pinjaman Bank Rakyat, AgroBank dan badan-badan koperasi.
2. Pinjaman bank termasuk pinjaman peribadi BSN dan pinjaman kenderaan CIMB.
3. Lain-lain Pinjaman adalah pinjaman daripada 18 agensi pinjaman (contoh: Etiqa Insurance, Yayasan Ihsan Rakyat, Koperasi Polis Diraja Malaysia Berhad dll).
4. Jabatan Akauntan Negara Malaysia tidak ada rekod jumlah nilai hutang yang terlibat.

(b) Jenis pinjaman lain yang diambil adalah pinjaman komputer dan pinjaman pelajaran (contoh: PTPTN, Yayasan Negeri, Biasiswa Negeri dll).